

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT (LUBOK ANTU) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status penyaluran dana tambahan bagi projek baik pulih sekolah iaitu SMK Engkilili dan SK Nanga Tibu kerana menurut penerangan daripada pihak pentadbir sekolah, dana bagi kedua-dua projek ini telah diluluskan namun demikian di peringkat pusat khidmat masyarakat tidak mendapat sebarang makluman sama ada berbentuk dokumentasi atau permakluman melalui emel daripada Kerajaan pusat mahupun Kerajaan negeri sebagai agensi pelaksana berkenaan kelulusan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyelenggara pendawaian elektrik dan sistem pencegah kebakaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili dengan kos sebanyak RM42,000 dan kerja telah siap pada Ogos 2019. Pada tahun 2020 pula, sebanyak RM422,000 telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan blok akademik, pentadbiran dan asrama di sekolah

berkenaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 dan kerja telah siap pada Oktober 2020. Manakala, pada tahun 2021, KPM turut melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan blok akademik sekolah tersebut dengan kos sebanyak RM228,956 dan kerja telah siap pada Ogos 2021. Selain itu, sekolah ini juga termasuk dalam projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif. Skop projek ini meliputi penggantian 6 buah bilik darjah dan asrama yang boleh menempatkan 200 orang murid. Projek ini dalam fasa pra bina dan kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan pada tahun 2022.

Bagi Sekolah Kebangsaan Nanga Tibu pula, KPM telah menyelenggara asrama di sekolah berkenaan dengan kos sebanyak RM20,000 dan kerja telah siap pada Ogos 2019. Pada tahun 2020, sebanyak RM200,000 telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan bilik darjah di sekolah berkenaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020. Namun begitu, projek penyelenggaraan bilik darjah ini tidak dapat dilaksanakan akibat pandemik COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Projek penyelenggaraan ini akan dilaksanakan semula pada awal tahun 2022. Manakala, pada tahun 2021, KPM dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah memulakan proses perolehan bagi kerja pendawaian semula elektrik dengan kos sebanyak RM250,000 untuk sekolah tersebut. Kerja pendawaian ini dijangka siap pada Mac 2022.

Selain itu, sekolah ini juga termasuk dalam projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif. Skop projek ini meliputi penggantian 4 unit kuarters guru. Projek ini dalam fasa pra bina dan kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan pada tahun 2022.